


PENGGUNAAN bahasa rojak atau cacamarba dikhuatiri memberi kesan terhadap pelajar dalam peperiksaan penting. - Gambar hiasan



# <http://www> JEJAS KEMURNIAN BAHASA

Bahasa cacamarba bukan saja boleh merosak nilai bahasa, malah dikhawatir menghakis jati diri masyarakat



## FOKUS

Oleh Ruhiza Rusmin  
ruhizarusmin@mediaprime.com.my

S ejak ledakan media sosial kira-kira sedekad lalu, peryalahgunaan bahasa menerusi medium itu makin ketara dan membimbangkan.

Penggunaan bahasa rojak serta istilah dan singkatan ciptaan sendiri makin mendominasi kehidupan masyarakat, sekali gus mengetepikan kepentingan penggunaan bahasa standard terutama dalam kalangan generasi muda terutama pelajar.

Sekilas pandang, penggunaan 'bahasa cacamarba' seperti itu tidak akan mencacatkan fungsi dan kemurnian bahasa secara

keseluruhannya, namun ia bakal meninggalkan kesan membimbangkan pada jangka panjang.

Jika tidak ditangani dengan kaedah sesuai, dikhawatir bahasa cacamarba ini akan menenggelamkan fungsi dan peranan bahasa standard dalam kehidupan seharian.

Pensyarah Kanan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Sharil Nizam Sha'ri berkata, penggunaan bahasa yang tidak mengikut penggunaan standard bukan saja boleh merosakkan nilai bahasa, malah dikhawatir menghakis jati diri masyarakat secara perlahan-lahan.

Beliau berkata, fungsi bahasa sebagai medium komunikasi antara fungsi terbesar dalam kehidupan manusia yang membantu individu atau kolektif untuk memahami maksud sesuatu



**“Impaknya, bukan saja kredibiliti bahasa tercalar, malah pengguna dan penerima turut menerima tempias”**

DR SHARIL NIZAM

interaksi.

"Penggunaan bahasa cacamarba tanpa mengikuti standard memang boleh mencacatcelakan fungsi bahasa sebagai medium komunikasi.

"Walaupun ramai melihat isu penyalahgunaan bahasa di media sosial bukan sesuatu yang serius, ia masih boleh memberi kesan membimbangkan pada jangka panjang.

"Generasi muda yang sebahagian besarnya pelajar menggunakan bahasa ciptaan sendiri yang lintang-pukang ketika berkomunikasi melalui media sosial. Ini boleh memberi kesan jika mereka terikut-ikut menggunakan dalam peperiksaan penting," katanya.

Dr Sharil Nizam berkata, ada pihak beranggapan penggunaan bahasa berkenna dalam media sosial hanya bagi tujuan santai dan tidak perlu

diperbesarkan.

"Memang tidak salah jika tujuannya begitu, tapi yang membimbangkan ialah jika ia turut digunakan di luar waktunya berkenaan, misalnya sewaktu berinteraksi dalam situasi formal atau bersama-sama orang berkepentingan."

"Kebiasaan yang kerap boleh menyebabkan penggunaan bahasa cacamarba turut terbawa-bawa dalam situasi itu.

"Impaknya, bukan saja kredibiliti bahasa tercalar, malah pengguna dan penerima turut menerima tempias," katanya.

Kembangannya masyarakat mengenai isu ini ada asasnya apabila satu kajian Mercator Research Centre dan The Fryske Academy pada 2014 di Belanda mendapat penggunaan bahasa standard makinerosot dalam kalangan generasi muda.

Menerusi kajian yang

dijalankan terhadap 2,000 pelajar berusia 14 hingga 18 tahun mendapat mereka lebih menggemari penggunaan bahasa ringkas terutama dalam aplikasi WhatsApp (95 peratus), Facebook (86 peratus) dan Twitter (76 peratus).

Dr Sharil Nizam berkata, penggunaan bahasa yang

## Info



Internet pertama kali dicipta untuk kepentingan ketenteraan pada 1969 oleh Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat melalui US Defense Advanced Research Projects Agency (DARPA) yang memutuskan untuk mengadakan rangkaian bagi menghubungkan sejumlah komputer sehingga membentuk jaringan organik.

**PERLU** ada pemantauan pihak tertentu seperti guru dalam memandu arah penggunaan bahasa yang betul kepada pelajar agar kesalahan yang digunakan boleh diperbetulkan. - Gambar Google



tidak menepati piawaian menyebabkan kelangsungan bahasa sukar diperbahalkan dan lebih buruk lagi menyebabkan kepupsuan perkataan.

"Tidak boleh dinafikan, penggunaan bahasa standard juga perlu selari dengan peredaran masa dan pemodenan masyarakat.


"Itu tidak salah, namun soalnya ialah kecenderungan masyarakat yang mempunyai kemahiran mewujudkan bahasa atau perkataan baru sendiri sedangkan kewujudan sesuatu perkataan baru perlu mengikut syarat tertentu sebelum dipersetujui sebalut suara atau diiktiraf oleh badan profesional seperti Dewan Bahasa dan Pustaka," katanya.

Katanya, prosedur itu perlu dipatuhi kerana hanya cara itu dapat menjamin keutuhan perkataan berkenaan, selain memberi peluang kepada bahasa terus berkembang pada landasan betul.

"Meskipun bahasa bersifat subjektif, peraturannya perlu diguna pakai bagi menjamin kualiti perkataan yang ditutur atau digunakan.

"Tidak salah menggunakan bahasa atau perkataan ringkas mengikut pemahaman sendiri tapi perlu ada batas dan syarat.

"Jika kita sendiri tidak mempertahankan penggunaan bahasa standard, dikhawatir generasi masa depan akan terkapai-kapai kerana bahasa juga mencerminkan siapa dan budaya diri kita sebenarnya," katanya.



PERANAN bahasa sangat besar kerana ia boleh merapatkan jurang budaya dan latar belakang tanpa sempadan

## Info



### Kategori bahasa singkatan

Bahasa ringkas dapat dikategorikan kepada 10 jenis singkatan iaitu:

1. Singkatan yang lazim. Contohnya, sg (sungai), jln (jalan) dan kg (kampung).
2. Singkatan pengguguran vokal dalam perkataan. Contohnya mkn (makan), skolah (sekolah) dan bju (baju).
3. Singkatan akronim. Contohnya, MAS (Malaysia Airlines Systems) dan ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri).
4. Singkatan gabungan suku kata. Contohnya, balora (balai orang ramai).
5. Singkatan kata ganda. Contohnya, kdg2 (kadang-kadang) dan kupu2 (kupukupu).
6. Singkatan kolokial. Contohnya, amek (ambil) dan camne (macam mana).
7. Singkatan yang melampau. Contohnya, giler (gila), namer (nama) dan dier (dia).
8. Singkatan bahasa asing yang dimelayukan. Contohnya, lebiu (love you), opis (office) dan babai (bye-bye).
9. Singkatan yang membawa makna baru. Lazimnya perkataan ini digunakan oleh remaja dan kanak-kanak. Contohnya, 'boring giler' dan 'terror giler'.
10. Singkatan kod. Contohnya, menci-um (muahhh), berfikir (hmmm), ketawa (haha/hehe/kehkeh), gembira ([:D]), sedih ([:-(]) dan bibir terkunci ([:-X]).

LEDAKAN teknologi maklumat terutama dalam media sosial menyebabkan penggunaan bahasa standard makin diketepikan. - Gambar hiasan